

# **Peraturan “Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong”**

## **Kali Kesebelas (Tahun 2026)**

### **1. Latar Belakang**

Sejak kebelakangan ini, nilai murni menghormati guru semakin terhakis. Memandangkan tanggungjawab guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina semakin berat dan kian mencabar, Dana Ng Teck Fong dan Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia telah bekerjasama menawarkan dua anugerah sebagai inisiatif untuk memberikan pengiktirafan dan sokongan moral kepada para guru Bahasa Cina dan pentadbir sekolah rendah dan sekolah menengah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Pemberian Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina bertujuan untuk menggalakkan pencapaian prestasi berterusan serta memberi penghargaan kepada guru-guru Bahasa Cina yang telah berkhidmat cemerlang dan bertungkus lumus untuk mempromosikan kebudayaan Cina dan mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah. Penaja kepada anugerah ini, Presiden Dana Ng Teck Fong, Tan Sri Datuk Dr. Ng Teck Fong berharap dengan pemberian pengiktirafan kepada guru-guru Bahasa Cina yang cemerlang ini akan menjadikan mereka sebagai suri teladan kepada guru-guru Bahasa Cina yang lain. Selain itu, diharapkan dengan penghargaan ini turut memberi kesan positif dan proaktif kepada guru-guru Bahasa Cina yang baharu, dan terus berusaha gigih untuk meningkatkan kualiti pendidikan mata pelajaran Bahasa Cina di negara ini.

Pada tahun 2015, di samping berjaya dalam karier, Pengerusi Dana Ng Teck Fong, Tan Sri Datuk Dr. Ng Teck Fong mengambil inisiatif untuk membiayai “Anugerah Guru-guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong” atas semangat “Memperoleh dari masyarakat, berbakti untuk masyarakat”. Anugerah tersebut adalah anjuran bersama Dana Ng Teck Fong dan Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia, dan usaha bersama Kolej New Era (kini dikenali sebagai Kolej Universiti New Era).

Memandangkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina amat bergantung kepada pewujudan suasana pembelajaran yang kondusif dan sokongan daripada pihak pentadbir sekolah iaitu Guru Besar atau Pengetua sekolah, maka Anugerah Pentadbir Cemerlang Lee Ser Chong yang ditaja oleh Presiden Semasa Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia, Datuk Lee Ser Chong mula diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi penghargaan dan sokongan kepada pihak pentadbir yang telah berkhidmat dengan cemerlang di sekolah-sekolah.

Pada tahun 2018, pihak penganjur memperluaskan skala organisasinya dengan menjemput Yayasan Usahawan Sedunia sebagai penganjur bersama, serta Persatuan Pengarang Aliran Cina, Malaysia sebagai organisasi sokongan dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti.

Pada tahun 2020, di samping sebagai tanda galakan, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti orang perseorangan yang dedikasi tanpa mengira kepentingan peribadi dalam jangka masa yang panjang, “Anugerah Dedikasi Pendidikan Bahasa Cina Ng Teck Fong” ditambah untuk mengiktiraf sumbangan perseorangan kepada pembangunan pendidikan Cina. Penganjur bersama penggal ini: Dana Ng Teck Fong, Kolej Universiti New Era dan Yayasan Usahawan Sedunia. Organisasi sokongan: Persatuan Pengarang Aliran Cina, Malaysia.

Tan Sri Datuk Dr Ng Teck Fong meninggal dunia pada 21 Mac 2021. Beliau berpesan kepada anak-anaknya untuk meneruskan Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina ini. Selepas Datuk Ng Yih Pyng mengambil alih Dana Ng Teck Fong, beliau menurut pesan ayahnya dan turut menjadi penasihat kepada "Anugerah Guru Cemerlang Cina Ng Teck Fong ke-6", dan terus menyokong penganjuran Anugerah Guru Cemerlang Cina sepenuhnya.

Atas sebab pandemik COVID-19, Anugerah Guru Bahasa Cina Ng Teck Fong Ke-6 pada asalnya yang dijadualkan pada 20 September 2020 telah ditunda ke tahun 2021 Disember.

Pada tahun 2022 pasca pandemik COVID-19, Dana Ng Teck Fong dan Kolej Universiti New Era bersama-sama meneruskan anugerah tersebut, atas sokongan daripada Persatuan Pengarang Aliran Cina, Malaysia.

## **2. Objektif**

2.1: Mengenalpasti dan memberi pengiktirafan dan sokongan moral kepada guru-guru Bahasa Cina yang berkhidmat dengan cemerlang, bertungkus lumus dan berusaha gigih dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

2.2: Menghargai jasa dan sumbangan guru-guru Bahasa Cina dalam perkhidmatan, seterusnya meningkatkan imej dan status sosial guru-guru Bahasa Cina dalam masyarakat.

2.3: Memberikan pengiktirafan kepada para pentadbir sekolah yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang dan terbilang bukan hanya dari segi pengajaran dan pembelajaran, juga dalam urusan pentadbiran harian yang membawa kecemerlangan kepada sekolah mereka.

2.4: Mengenalpasti dan memberikan pengiktirafan kepada orang perseorangan yang menyumbang dalam bidang pendidikan Bahasa Cina dengan dedikasi tanpa mengira kepentingan peribadi dalam jangka masa yang panjang.

## **3. Penganjur: Dana Ng Teck Fong, Kolej Universiti New Era**

## **4. Penganjur bersama: Persatuan Pengarang Aliran Cina, Malaysia**

## 5. Syarat-syarat Kelayakan Calon

### 5.1: Anugerah Guru Bahasa Cina Ng Teck Fong

5.1.1: Guru Bahasa Cina yang sedang berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Persendirian Cina (SM), Sekolah Menengah Swasta, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di seluruh negara, dan memiliki pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Cina sekurang-kurangnya 10 tahun.

5.1.2: Guru yang komited dalam pendidikan, kreatif dalam pengajaran dan inovatif dalam pengurusan bilik darjah, sentiasa berusaha memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

5.1.3: Mempunyai hubungan rapat dan mesra dengan pihak pentadbir, rakan sekerja, pelajar-pelajar dan ibubapa.

5.1.4: Skop penilaian merangkumi: usaha mempromosikan mata pelajaran Bahasa Cina, mempamerkan hasil kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina, dan sebaik-baiknya mempunyai kolaborasi di peringkat antarabangsa dalam mata pelajaran Bahasa Cina.

### 5.2: Anugerah Dedikasi Pendidikan Bahasa Cina Ng Teck Fong

5.2.1: Dianugerahkan kepada individu yang menyumbang kepada bidang pendidikan Bahasa Cina dengan dedikasi serta tanpa mengira kepentingan peribadi dalam jangka masa yang panjang.

5.2.2: Mempunyai sumbangan dalam mempertahankan, mempromosi, mewarisi, dan membangunkan pendidikan Bahasa Cina dari segi pengajaran atau apa jua bentuk perkhidmatan.

5.2.3: Diiktiraf dan disanjung oleh masyarakat tempatan atas dedikasi yang disumbangkan kepada pendidikan Bahasa Cina.

### 5.3: Anugerah Pentadbir Cemerlang Lee Ser Chong

5.3.1: Dianugerahkan kepada pentadbir yang sedang berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC), Sekolah Menengah Persendirian Cina (SM), Sekolah Menengah Swasta, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di seluruh negara yang memiliki pengalaman mengajar dan mentadbir sekurang-kurangnya 5 tahun, serta menunjukkan komitmen tinggi yang membawa perkembangan yang positif dan menggalakkan dalam pendidikan Bahasa Cina .

5.3.2: Sentiasa menitikberatkan kebajikan warga sekolah di bawah jagaan mereka dan disayangi oleh warga sekolah dan pihak ibubapa.

5.3.3: Skop penilaian merangkumi usaha mempromosikan pendidikan Bahasa Cina, mempamerkan pelbagai kejayaan dalam pengurusan pentadbiran, dan sebaik-baiknya mempunyai kolaborasi di peringkat antarabangsa dalam pendidikan Bahasa Cina.

## 6. Cara Penyertaan

6.1: Terbuka kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat di atas yang dicadangkan oleh ibu bapa, rakan sekerja, ketua jabatan, nazir sekolah, Lembaga Pengelola, persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Persatuan Alumni, Kesatuan Guru-guru atau persatuan kebudayaan dan pendidikan yang relevan.

6.2: Pencadang dan organisasi yang mencadang wajib mengisi butiran yang terdapat di dalam borang cadangan dan menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan secara dalam talian dan salinan cetak. Kedua-dua jenis dokumen, iaitu yang dimuat naik dalam talian dan juga salinan cetak mestilah selaras.

6.3: Pautan ke Borang Pencalonan Dalam Talian <https://tinyurl.com/3e5t94hm>

6.4: Pemenang tidak boleh disyorkan untuk anugerah yang sama dalam tempoh 10 tahun.

6.5: Calon-calon yang pernah dicadangkan untuk menerima Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong, Anugerah Dedikasi Pendidikan Bahasa Cina Ng Teck Fong dan Anugerah Pentadbir Cemerlang Lee Ser Chong pada dua tahun kebelakangan ( Tahun 2024 & 2025 ) akan dikekalkan status pencalonan mereka dan mereka tidak perlu menghantar borang pencalonan mereka sekali lagi sekiranya mereka masih berkhidmat di institusi pendidikan yang sama, tetapi digalakkan menambah dokumen baru sekiranya ada.

6.5: Walaupun jawatan penama berubah selepas tarikh akhir pencalonan, segala maklumat yang diserahkan sebelum tarikh akhir pencalonan akan didahulukan.

## **7. Jumlah Anugerah**

7.1: Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong (Kumpulan SJKC) : Dua

7.2: Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong (Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Menengah Swasta): Satu

7.3: Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong (Kumpulan Sekolah Menengah Kebangsaan Dan Jenis Kebangsaan): Satu

7.4: Anugerah Dedikasi Pendidikan Bahasa Cina Ng Teck Fong: Maksimum Dua

7.5: Anugerah Pentadbir Cemerlang Lee Ser Chong (Kumpulan SJKC): Satu

7.6: Anugerah Pentadbir Cemerlang Lee Ser Chong (Sekolah Menengah) : Maksimum Dua

## **8. Insentif:**

8.1: Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong & Anugerah Pentadbir Cemerlang Lee Ser Chong: Hadiah wang tunai sebanyak RM3,000.00, sijil penghargaan dan trofi.

8.2: Anugerah Dedikasi Pendidikan Bahasa Cina Ng Teck Fong: Hadiah wang tunai sebanyak RM4,000.00, sijil penghargaan dan trofi.

**9. Panel Juri:** Wakil-wakil dari kumpulan profesional dalam pendidikan.

**10. Tarikh Pencalonan :** Sehingga 15 Mei 2026

## **11. Majlis Anugerah:**

Tarikh : 18 Oktober 2026 (Ahad )

Masa : 09:00 am - 13:00 pm

Tempat : Galaxy Banquet Hall, Sentul, Kuala Lumpur  
(Bersebelahan dengan HGH Convention Center)

## **12. Pejabat Pendaftaran:**

Sekretariat “Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Cina Ng Teck Fong Kali Kesebelas Tahun 2026” (Perhubungan Awam Kolej Universiti New Era)

Alamat: Tingkat 3, Blok B, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-8740 6392/03-8210 3709 ext: 303,305

WhatsApp:+6011-5872 8920 / +6011-54093519

E-mel: [ntftaward@gmail.com](mailto:ntftaward@gmail.com)

Facebook: Ng Teck Fong Foundation

Laman sesawang: <https://www.newera.edu.my/ntftaward/>

## **13. Lain-lain**

13.1: Keputusan pihak penganjur adalah muktamad.

13.2: Pihak penganjur berhak membuat pindaan pada bila-bila masa sekiranya perlu.